

Headline	<b>Kurang dana punca NGO Islam sukar selia mangsa</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>17 Jul 2009</b>	Page No	<b>9</b>
MediaTitle	<b>Sinar Harian</b>	Article Size	<b>86 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Nasional</b>	Color	<b>Black/white</b>
Journalist	<b>N/A</b>	PRValue	<b>1,032</b>
Frequency	<b>Daily</b>		
ADValue	<b>344</b>		



## **Kurang dana punca NGO Islam sukar selia mangsa**

**SHAH ALAM** – Masalah kewangan antara faktor kurangnya pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam tampil menyediakan pusat perlindungan dan pemulihan pesakit HIV/Aids, terutama dalam kalangan lelaki Islam.

Pengerusi PT Foundation (PTF), Hisham Hussein berkata, kekangan kewangan yang menyelubungi NGO itu menyebabkan pelbagai program yang dirancang tergendala, termasuk untuk menyediakan pusat perlindungan pesakit lelaki Islam yang disahkan HIV/Aids.

Menurutnya, NGO Islam sedia ada tiada kemampuan kewangan. Ini kerana untuk mengendalikan pusat perlindungan seperti itu memerlukan banyak belanja.

"Beberapa perkara utama perlu belanja agak tinggi harus dilihat seperti memerlukan pekerja tetap berpengalaman bergaji bulanan, makan minum harian, tempat kediaman, pengangkutan, ubat-ubatan dan banyak lagi.

"Kalau kita lihat, rumah perlindungan seumpama itu banyak dikendalikan NGO bukan Islam yang dilakukan begitu baik sekali. Oleh itu, perlunya badan-badan Islam untuk tampil ke hadapan sama-sama berusaha mewujudkan lebih banyak pusat perlindungan seumpama itu," katanya.

Hisham berkata, untuk kerja kebajikan seperti itu perlulah bermula dengan niat yang ikhlas di samping banyak pihak perlu berganding bahu bersama-sama menangani masalah itu.